



30 September 2025
30 September 2025
P.U. (A) 346

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN PEMERANGKAPAN,
PENGUNAAN DAN PENYIMPANAN KARBON
(PERMIT DAN PELESENAN LUAR PESISIR) 2025

*CARBON CAPTURE, UTILIZATION AND STORAGE
(OFFSHORE PERMIT AND LICENSING)
REGULATIONS 2025*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PEMERANGKAPAN, PENGGUNAAN DAN PENYIMPANAN KARBON 2025
PERATURAN-PERATURAN PEMERANGKAPAN, PENGGUNAAN DAN PENYIMPANAN
KARBON (PERMIT DAN PELESENAN LUAR PESISIR) 2025

SUSUNAN PERATURAN

BAHAGIAN I
PERMULAAN

Peraturan

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Pemakaian
3. Tafsiran

BAHAGIAN II

ENTITI TEKNIKAL KOMPETEN BAGI PENYIMPANAN LUAR PESISIR

4. Fungsi entiti teknikal kompeten bagi penyimpanan luar pesisir

BAHAGIAN III

PERMIT PENILAIAN LUAR PESISIR

5. Permohonan bagi permit penilaian luar pesisir
6. Maklumat dan dokumen bagi permohonan permit penilaian luar pesisir
7. Pemberian atau penolakan permit penilaian luar pesisir
8. Hak di bawah permit penilaian luar pesisir
9. Pematuhan syarat permit penilaian luar pesisir
10. Pelanjutan permit penilaian luar pesisir
11. Pelepasan
12. Pelepasan separa atau penyerahan permit penilaian luar pesisir

BAHAGIAN IV
LESEN PENYIMPANAN LUAR PESISIR

Peraturan

13. Permohonan bagi lesen penyimpanan luar pesisir
14. Jaminan kewangan bagi permohonan lesen penyimpanan luar pesisir
15. Maklumat dan dokumen bagi permohonan lesen penyimpanan luar pesisir
16. Pemberian atau penolakan lesen penyimpanan luar pesisir
17. Hak di bawah lesen penyimpanan luar pesisir
18. Pematuhan syarat lesen penyimpanan luar pesisir
19. Kandungan lesen penyimpanan luar pesisir

BAHAGIAN V
LAPORAN, RANCANGAN DAN LANGKAH-LANGKAH

20. Laporan penilaian risiko dan pengurusan risiko
21. Penggabungan langkah-langkah pengurusan risiko
22. Rancangan gerak balas kecemasan
23. Rancangan penyenggaraan dan keselamatan penutupan
24. Penggabungan rancangan penyenggaraan dan keselamatan penutupan

BAHAGIAN VI
KAJIAN SEMULA, PENGUBAHSUAIAN DAN PEMBATALAN LESEN PENYIMPANAN
LUAR PESISIR

25. Perubahan pada cara pengendalian tapak penyimpanan
26. Perubahan pada lesen penyimpanan luar pesisir
27. Kesihatan dan keselamatan manusia atau alam sekitar
28. Pengubahsuaian lesen penyimpanan luar pesisir
29. Pembatalan lesen penyimpanan luar pesisir
30. Akibat pembatalan lesen penyimpanan luar pesisir
31. Pengubahsuaian di bawah Bahagian VI

BAHAGIAN VII
OBLIGASI PENGENDALIAN, PENUTUPAN DAN PASCA-PENUTUPAN

Peraturan

32. Kehendak bagi jaminan kewangan
33. Penilaian dan pelarasan amaun jaminan kewangan
34. Pemantauan
35. Pelaporan oleh pengendali luar pesisir
36. Pemeriksaan dan penyiasatan
37. Langkah-langkah jika berlaku kebocoran atau ketidakteraturan yang signifikan
38. Rancangan langkah pembetulan
39. Obligasi penutupan tapak penyimpanan
40. Pengeluaran sijil penutupan tapak penyimpanan
41. Obligasi selepas penutupan sebelum pemindahan obligasi kepada Kerajaan
42. Syarat bagi pemindahan obligasi kepada Kerajaan
43. Permohonan bagi pemindahan obligasi
44. Pelanjutan tempoh minimum
45. Pasca-pemindahan obligasi kepada Kerajaan

BAHAGIAN VIII

BORANG

46. Borang
JADUAL

AKTA PEMERANGKAPAN, PENGGUNAAN DAN PENYIMPANAN KARBON 2025

PERATURAN-PERATURAN PEMERANGKAPAN, PENGGUNAAN DAN PENYIMPANAN
KARBON (PERMIT DAN PELESENAN LUAR PESISIR) 2025

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 52(2) (d), (f), (h), (i), (j) dan (l) Akta Pemerangkapan, Penggunaan dan Penyimpanan Karbon 2025 [Akta 870], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

BAHAGIAN I
PERMULAAN

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pemerangkapan, Penggunaan dan Penyimpanan Karbon (Permit dan Pelesenan Luar Pesisir) 2025**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Oktober 2025.

Pemakaian

2. Peraturan-Peraturan ini hendaklah terpakai bagi penilaian geologi luar pesisir dan penyimpanan kekal karbon dioksida di kawasan luar pesisir.

Tafsiran

3. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“jaminan kewangan” ertinya surat cara kewangan atau perkiraan kewangan sebagaimana yang dipersetujui antara pengendali luar pesisir dengan Agensi, termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa polisi insurans, gadaian atas akaun bank atau apa-apa aset lain, deposit wang, bon atau jaminan prestasi, jaminan bank, surat kredit, eskrow dan dana pengumpulan bersama;

“pasca-penutupan tapak penyimpanan” ertinya tempoh selepas penutupan tapak penyimpanan yang bermula dari pengeluaran sijil penutupan tapak penyimpanan oleh Agensi di bawah subperaturan 40(1);

"pemegang permit penilaian luar pesisir" ertinya pemegang permit penilaian luar pesisir yang dikeluarkan di bawah subperaturan 7(3);

“penutupan tapak penyimpanan” ertinya suatu keadaan apabila tindakan pemberhentian muktamad suntikan karbon dioksida ke dalam tapak penyimpanan bermula sehingga pengeluaran sijil penutupan tapak penyimpanan oleh Agensi di bawah subperaturan 40(1).

BAHAGIAN II

ENTITI TEKNIKAL KOMPETEN BAGI PENYIMPANAN LUAR PESISIR

Fungsi entiti teknikal kompeten bagi penyimpanan luar pesisir

4. (1) Fungsi entiti teknikal kompeten bagi penyimpanan luar pesisir adalah—
 - (a) untuk menasihati Agensi berkaitan dengan perkara teknikal dan pengendalian berhubung dengan pemberian dan pentadbiran permit penilaian luar pesisir dan lesen penyimpanan luar pesisir;
 - (b) untuk menasihati Agensi mengenai kesesuaian dan kebolehterimaan mana-mana—
 - (i) pemohon bagi permit penilaian luar pesisir atau lesen penyimpanan luar pesisir; dan
 - (ii) cadangan rancangan, kaedah atau teknik yang dicadangkan yang dikemukakan kepada Agensi oleh pemegang permit penilaian luar pesisir atau pengendali luar pesisir, termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa rancangan pemantauan, rancangan langkah pembetulan, rancangan penutupan tapak penyimpanan,

rancangan pasca-penutupan tapak penyimpanan dan rancangan yang berhubung dengan kesihatan dan keselamatan manusia dan alam sekitar;

- (c) untuk menjalankan apa-apa pemeriksaan dan penyiasatan ke atas tapak penyimpanan atau mana-mana tapak lain yang berkaitan dengan suatu projek sebagaimana yang diarahkan oleh Agensi;
- (d) untuk menasihati Agensi mengenai pengeluaran apa-apa garis panduan berhubung dengan apa-apa amalan, kaedah dan standard yang perlu dipatuhi apabila menjalankan penilaian geologi luar pesisir dan penyimpanan luar pesisir;
- (e) untuk menasihati Agensi mengenai pengeluaran apa-apa garis panduan mengenai apa-apa perkara berhubung dengan permohonan bagi permit penilaian luar pesisir atau lesen penyimpanan luar pesisir;
- (f) untuk menasihati Agensi mengenai penentuan kadar levi suntikan yang disebut dalam subseksyen 30(1) Akta dan kekerapan bayaran levi suntikan ke dalam Kumpulan Wang;
- (g) untuk menasihati Agensi mengenai pengumpul semakan, penganalisan dan penerbitan apa-apa maklumat, statistik dan faktor yang mempengaruhi atau yang berkaitan dengan pembangunan industri penyimpanan luar pesisir; dan
- (h) untuk melakukan semua perkara yang bersampingan dengan atau berbangkit daripada pelaksanaan fungsinya di bawah Peraturan-Peraturan ini.

(2) Bagi maksud peraturan ini, “entiti teknikal kompeten bagi penyimpanan luar pesisir” ertinya entiti teknikal kompeten bagi penyimpanan karbon dioksida di kawasan luar pesisir yang dilantik menurut perenggan 14(1)(d) Akta.

BAHAGIAN III PERMIT PENILAIAN LUAR PESISIR

Permohonan bagi permit penilaian luar pesisir

5. (1) Permohonan bagi permit penilaian luar pesisir hendaklah dibuat kepada Agensi secara bertulis dan hendaklah disertakan dengan bayaran fi yang dinyatakan dalam Jadual.

(2) Mana-mana orang yang memohon permit penilaian luar pesisir di bawah subperaturan (1) hendaklah mematuhi garis panduan yang dikeluarkan oleh Menteri di bawah seksyen 53 Akta.

Maklumat dan dokumen bagi permohonan permit penilaian luar pesisir

6. Permohonan bagi permit penilaian luar pesisir hendaklah termasuk maklumat yang berikut:

- (a) nama dan butiran pemohon;
- (b) kawasan tetap yang dicadangkan bagi penilaian geologi luar pesisir yang boleh merangkumi lebih daripada satu kompleks penyimpanan;
- (c) kaedah dan teknik yang dicadangkan bagi penilaian geologi luar pesisir, dan apa-apa bukti berhubung dengan kebenaran yang dikehendaki untuk menjalankan kaedah dan teknik itu; dan
- (d) apa-apa maklumat dan dokumen lain yang dikehendaki oleh Agensi, secara bertulis, menurut subseksyen 24(4) Akta atau mana-mana garis panduan yang dikeluarkan oleh Menteri.

Pemberian atau penolakan permit penilaian luar pesisir

7. (1) Apabila menerima permohonan di bawah peraturan 6 dan semua maklumat dan dokumen bersama dengan bayaran fi, Agensi hendaklah memproses permohonan bagi permit penilaian luar pesisir itu.

(2) Jika apa-apa maklumat atau dokumen tambahan yang dikehendaki tidak dikemukakan oleh pemohon dalam tempoh yang dinyatakan dalam permintaan itu atau apa-apa lanjutan masa yang diberikan oleh Agensi, permohonan itu hendaklah disifatkan sebagai ditarik balik dan tidak boleh diteruskan, tetapi tidak menjejaskan hak pemohon untuk membuat suatu permohonan baharu.

(3) Jika permohonan bagi permit penilaian luar pesisir diluluskan oleh Agensi di bawah subseksyen 25(1) Akta, Agensi hendaklah mengeluarkan permit penilaian luar pesisir kepada pemohon.

Hak di bawah permit penilaian luar pesisir

8. Pemegang permit penilaian luar pesisir hendaklah—

- (a) mempunyai hak tunggal untuk menjalankan penilaian geologi luar pesisir di kawasan yang dinyatakan dalam permit penilaian luar pesisir; dan
- (b) menjalankan penilaian geologi luar pesisir dalam suatu tempoh yang tidak melebihi tiga tahun daripada tarikh permit penilaian luar pesisir itu atau apa-apa pelanjutan masa yang diberikan di bawah peraturan 10.

Pematuhan syarat permit penilaian luar pesisir

9. (1) Pemegang permit penilaian luar pesisir hendaklah mematuhi—

- (a) apa-apa syarat yang dinyatakan dalam permit; dan
- (b) apa-apa syarat tambahan permit penilaian luar pesisir sebagaimana yang dikenakan oleh Agensi menurut subseksyen 25(2) Akta.

(2) Pengeluaran permit penilaian luar pesisir tidak menghalang pemegang permit penilaian luar pesisir itu daripada mematuhi peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang lain atau kehendak untuk memperoleh apa-apa kelulusan atau lesen lain yang dikehendaki di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang sedang berkuat kuasa.

(3) Mana-mana orang yang melanggar apa-apa syarat yang dinyatakan di bawah subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit.

Pelanjutan permit penilaian luar pesisir

10. (1) Pemegang permit penilaian luar pesisir boleh memohon secara bertulis kepada Agensi untuk pelanjutan tempoh permit penilaian luar pesisir, bersama dengan justifikasi yang sah bagi pelanjutan itu, sekurang-kurangnya enam bulan sebelum tarikh tamat tempoh permit penilaian luar pesisir itu.

(2) Agensi boleh, selepas menimbangkan permohonan di bawah subperaturan (1), membenarkan satu atau lebih lanjutan tempoh permit penilaian luar pesisir, tertakluk kepada apa-apa syarat dan bagi apa-apa tempoh yang difikirkan patut oleh Agensi, bersama dengan justifikasi bagi pelanjutan itu.

(3) Permohonan di bawah subperaturan (1) hendaklah disertakan dengan bayaran fi sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

Pelepasan

11. (1) Jika pemegang permit penilaian luar pesisir tidak memohon lesen penyimpanan luar pesisir sebelum tamat tempoh permit penilaian luar pesisirnya, termasuk apa-apa lanjutan, atau jika Agensi enggan memberi pemegang permit penilaian luar pesisir itu lesen penyimpanan luar pesisir di bawah Bahagian IV, kawasan yang dinyatakan dalam permit penilaian luar pesisir itu hendaklah dilepaskan secara automatik.

(2) Walaupun tempoh permit penilaian luar pesisir telah tamat dan kawasan yang dinyatakan dalam permit penilaian luar pesisir dilepaskan secara automatik di bawah subperaturan (1), pemegang permit penilaian luar pesisir itu masih berkewajipan untuk mematuhi kehendak yang dinyatakan dalam perenggan 12(3)(b), (c) dan (d).

(3) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit.

Pelepasan separa atau penyerahan permit penilaian luar pesisir

12. (1) Semasa tempoh permit penilaian luar pesisir masih berkuat kuasa, pemegang permit penilaian luar pesisir boleh memohon secara bertulis kepada Agensi bagi suatu kelulusan untuk—

(a) melepaskan mana-mana bahagian kawasan yang dinyatakan dalam permit penilaian luar pesisir itu; atau

(b) menyerahkan permit penilaian luar pesisir itu secara keseluruhannya.

(2) Permohonan di bawah subperaturan (1) hendaklah dibuat sekurang-kurangnya tiga bulan sebelum tarikh yang dicadangkan bagi pelepasan atau penyerahan yang disebut dalam subperaturan (1).

(3) Agensi boleh, secara bertulis, meluluskan permohonan di bawah perenggan (1)(a) untuk melepaskan mana-mana bahagian kawasan atau di bawah perenggan (1)(b) untuk menyerahkan permit jika pemegang permit penilaian luar pesisir itu telah—

(a) mematuhi syarat yang dinyatakan dalam permit penilaian luar pesisir pemegang itu;

(b) mengalihkan atau menyebabkan dialihkan, dari kawasan yang bakal dilepaskan atau diserahkan, semua harta yang telah dibawa masuk ke dalam kawasan itu oleh mana-mana orang yang terlibat dalam atau

berkenaan dengan pengendalian yang dibenarkan oleh permit penilaian luar pesisir itu, atau membuat perkiraan yang perlu berhubung dengan harta itu, mengikut amalan pemerangkapan, penggunaan dan penyimpanan karbon yang berhemat menurut seksyen 5 Akta;

(c) menyumbat atau menutup mana-mana perigi yang dibuat di kawasan yang bakal dilepaskan atau diserahkan oleh mana-mana orang yang terlibat dalam atau berkenaan dengan pengendalian yang dibenarkan oleh permit penilaian di luar pesisir itu; dan

(d) memperbaiki apa-apa kerosakan dasar laut atau tanah bawah di kawasan yang bakal dilepaskan atau diserahkan yang disebabkan oleh mana-mana orang yang terlibat dalam atau berkenaan dengan pengendalian yang dibenarkan oleh permit penilaian luar pesisir itu.

(4) Jika pemegang permit penilaian luar pesisir itu telah mematuhi kehendak-kehendak yang disebut dalam perenggan (3)(a) hingga (d), Agensi hendaklah meluluskan permohonan di bawah perenggan (1)(a) untuk melepaskan mana-mana bahagian kawasan itu atau di bawah perenggan (1)(b) untuk menyerahkan permit itu.

(5) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (3) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit.

BAHAGIAN IV

LESEN PENYIMPANAN LUAR PESISIR

Permohonan bagi lesen penyimpanan luar pesisir

13. (1) Tertakluk kepada subperaturan (4), mana-mana orang yang berniat untuk menjalankan pengendalian tapak penyimpanan boleh memohon kepada Agensi untuk lesen penyimpanan luar pesisir.

(2) Permohonan di bawah subperaturan (1) hendaklah dibuat, secara bertulis, kepada Agensi dan hendaklah disertakan dengan bayaran fi sebagaimana yang

dinyatakan dalam Jadual.

(3) Mana-mana orang yang memohon lesen penyimpanan luar pesisir di bawah subperaturan (2) hendaklah mematuhi garis panduan yang dikeluarkan oleh Menteri di bawah seksyen 53 Akta.

(4) Tiada seorang pun layak untuk memohon bagi lesen penyimpanan luar pesisir melainkan jika orang itu merupakan pemegang permit penilaian luar pesisir yang dikeluarkan di bawah seksyen 25 Akta.

Jaminan kewangan bagi permohonan lesen penyimpanan luar pesisir

14. (1) Permohonan bagi lesen penyimpanan luar pesisir di bawah peraturan 13 hendaklah disertakan dengan bukti yang menunjukkan bahawa pengendali luar pesisir mempunyai amaun jaminan kewangan yang mencukupi untuk menampung kos yang berbangkit daripada perkara yang berikut:

(a) semua obligasi, liabiliti dan risiko; dan

(b) obligasi untuk membayar kos kepada Agensi dan kos yang dinyatakan dalam subperaturan 30(3), 38(4) dan 41(4).

(2) Kos yang dinyatakan dalam perenggan (1)(a) hendaklah termasuk kos yang mempunyai kaitan dengan penutupan tapak penyimpanan dan obligasi pasca-penutupan tapak penyimpanan sebelum obligasi itu dipindahkan kepada Kerajaan menurut seksyen 32 Akta.

(3) Amaun dan bentuk jaminan kewangan yang disebut dalam subperaturan (1) hendaklah ditentukan oleh pemohon berdasarkan semua maklumat dan dokumen yang diserahkan oleh pemohon itu sebagai sebahagian daripada permohonannya bagi lesen penyimpanan luar pesisir dan tertakluk kepada kelulusan Agensi.

Maklumat dan dokumen bagi permohonan lesen penyimpanan luar pesisir

15. Permohonan bagi lesen penyimpanan luar pesisir hendaklah termasuk maklumat yang berikut:

- (a) nama dan butiran pemohon;
- (b) lokasi kemudahan suntikan yang dicadangkan;
- (c) bukti mengenai kecekapan teknikal pemohon;
- (d) bukti bahawa pemohon berkebolehan dari segi kewangan;
- (e) hasil proses ujian pencirian tapak bagi kompleks penyimpanan yang dicadangkan, termasuk lokasi dan takat kawasan tapak penyimpanan itu;
- (f) model tapak yang dibangunkan daripada hasil proses ujian pencirian tapak, termasuk penilaian sekuriti dan keselamatan yang dijangka bagi tapak penyimpanan itu;
- (g) jumlah kuantiti karbon dioksida yang dianggarkan yang boleh disimpan di tapak penyimpanan itu;
- (h) komposisi arus karbon dioksida yang hendaklah mematuhi kriteria penerimaan arus karbon dioksida yang dinyatakan di bawah seksyen 28 Akta;
- (i) cadangan rancangan suntikan yang hendaklah termasuk maklumat mengenai kadar dan tekanan suntikan, ciri-ciri bahan lain yang bercampur dengan arus karbon dioksida dan keserasian arus karbon dioksida dengan kimia dan mineralogi bentukan geologi kompleks penyimpanan;
- (j) cadangan rancangan bagi pembangunan tapak penyimpanan;
- (k) suatu perihalan langkah-langkah untuk mencegah kebocoran, pemindahan yang tidak disengajakan atau ketidakteraturan lain di tapak penyimpanan itu;

- (l)* cadangan rancangan pemantauan berhubung dengan kompleks penyimpanan dan persekitaran sekitarnya;
- (m)* cadangan rancangan langkah pembetulan dan tatacara kontigensi yang akan dilaksanakan sekiranya berlaku apa-apa kebocoran atau ketidakteraturan yang signifikan;
- (n)* cadangan rancangan bagi penutupan tapak penyimpanan;
- (o)* cadangan rancangan bagi pasca-penutupan sementara tapak penyimpanan;
- (p)* laporan penilaian risiko dan pengurusan risiko sebagaimana yang dinyatakan dalam peraturan 20 berhubung dengan kesan aktiviti yang akan dijalankan di bawah lesen penyimpanan luar pesisir terhadap kesihatan dan keselamatan manusia, alam sekitar dan perkara lain sebagaimana yang ditentukan oleh Agensi;
- (q)* cadangan rancangan gerak balas kecemasan sebagaimana yang dinyatakan dalam peraturan 22 bagi apa-apa kecemasan yang menjejaskan kesihatan dan keselamatan manusia, alam sekitar dan perkara lain sebagaimana yang ditentukan oleh Agensi;
- (r)* laporan mengenai pencirian kawasan marin dari terminal tempat karbon dioksida dikumpulkan ke tapak penyimpanan;
- (s)* cadangan rancangan bagi pengendalian tapak penyimpanan termasuklah cara pengendalian, penyenggaraan dan rancangan keselamatan penutupan;
- (t)* bukti bahawa jaminan kewangan yang dikehendaki di bawah peraturan 14 adalah sah dan berkuat kuasa sebelum permulaan suntikan karbon dioksida ke dalam kompleks penyimpanan; dan
- (u)* apa-apa maklumat lain sebagaimana yang dikehendaki oleh Agensi, secara

bertulis, atau menurut mana-mana garis panduan yang dikeluarkan oleh Menteri di bawah seksyen 53 Akta.

Pemberian atau penolakan lesen penyimpanan luar pesisir

16. (1) Apabila menerima permohonan di bawah peraturan 13 dan semua maklumat dan dokumen bersama dengan bayaran fi, Agensi hendaklah memproses permohonan bagi lesen penyimpanan luar pesisir itu.

(2) Jika apa-apa maklumat atau dokumen tambahan yang dikehendaki tidak dikemukakan oleh pemohon dalam tempoh yang dinyatakan dalam kehendak itu atau apa-apa lanjutan masa yang diberikan oleh Agensi, permohonan itu hendaklah disifatkan sebagai ditarik balik dan tidak boleh diteruskan, tanpa menjejaskan hak pemohon untuk membuat suatu permohonan baharu.

(3) Agensi hendaklah meluluskan permohonan bagi lesen penyimpanan luar pesisir hanya jika Agensi berpuas hati bahawa—

(a) semua kehendak yang berkaitan yang diperuntukkan di bawah Peraturan-Peraturan ini telah dipatuhi;

(b) pemohon berkebolehan dari segi kewangan; dan

(c) pemohon cekap dari segi teknikal dan boleh dipercayai untuk mengendalikan dan mengawal tapak penyimpanan.

(4) Jika permohonan bagi lesen penyimpanan luar pesisir diluluskan oleh Agensi di bawah subseksyen 27(1) Akta, Agensi hendaklah mengeluarkan lesen penyimpanan luar pesisir kepada pemohon.

Hak di bawah lesen penyimpanan luar pesisir

17. Pengendali luar pesisir hendaklah mempunyai hak tunggal untuk mengendalikan tapak penyimpanan sebagaimana yang dinyatakan dalam lesen penyimpanan luar pesisir.

Pematuhan syarat lesen penyimpanan luar pesisir

18. (1) Pengendali luar pesisir hendaklah mematuhi—

(a) apa-apa syarat yang dinyatakan dalam lesen penyimpanan luar pesisir; dan

(b) apa-apa syarat tambahan lesen penyimpanan luar pesisir sebagaimana yang dikenakan oleh Agensi menurut subseksyen 27(2) Akta.

(2) Pemberian lesen penyimpanan luar pesisir tidak menghalang pengendali luar pesisir daripada mematuhi peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang lain atau memperoleh apa-apa kelulusan atau lesen lain yang dikehendaki di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang sedang berkuat kuasa.

(3) Mana-mana orang yang melanggar apa-apa syarat yang dinyatakan di bawah subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit.

Kandungan lesen penyimpanan luar pesisir

19. Lesen penyimpanan luar pesisir hendaklah mengandungi maklumat yang berikut:

(a) nama dan butiran pengendali luar pesisir;

(b) lokasi dan persempadanan tepat bagi tapak penyimpanan dan kompleks penyimpanan, dan apa-apa maklumat berkenaan dengan unit hidraulik;

(c) kehendak bagi pengendalian tapak penyimpanan, jumlah kuantiti karbon dioksida yang dibenarkan untuk disimpan secara geologi, had tekanan kompleks penyimpanan, dan kadar dan tekanan suntikan maksimum;

(d) kehendak bagi komposisi arus karbon dioksida, yang hendaklah mematuhi kriteria penerimaan arus karbon dioksida yang dinyatakan di bawah seksyen 28 Akta, dan, jika perlu, kehendak tambahan bagi suntikan dan

penyimpanan terutamanya untuk mencegah apa-apa ketidakteraturan yang signifikan;

- (e)* rancangan yang diluluskan bagi pembangunan tapak penyimpanan yang disebut dalam perenggan 15(*j*);
- (f)* rancangan pemantauan yang diluluskan, obligasi untuk melaksanakan rancangan itu dan kehendak untuk mengemas kini rancangan itu menurut peraturan 34 serta kehendak pelaporan menurut peraturan 35;
- (g)* kehendak untuk memberitahu Agensi sekiranya berlaku apa-apa kebocoran atau ketidakteraturan yang signifikan, rancangan langkah pembetulan yang diluluskan dan obligasi untuk melaksanakan rancangan langkah pembetulan itu sekiranya berlaku ketirisan atau ketidakteraturan yang signifikan menurut peraturan 37;
- (h)* rancangan penutupan tapak penyimpanan yang diluluskan yang disebut dalam perenggan 15(*n*);
- (i)* syarat untuk mengesahkan permintaan oleh pengendali luar pesisir bagi penutupan tapak penyimpanan dan rancangan bagi tempoh pasca-penutupan sementara tapak penyimpanan yang diluluskan yang disebut dalam perenggan 15(*o*);
- (j)* laporan penilaian risiko dan pengurusan risiko yang diluluskan yang disebut dalam perenggan 15(*p*);
- (k)* rancangan gerak balas kecemasan yang disebut dalam perenggan 15(*q*);
- (l)* rancangan pengendalian tapak penyimpanan yang diluluskan termasuklah cara pengendalian, penyenggaraan dan rancangan keselamatan penutupan yang disebut dalam perenggan 15(*s*);

- (m) kehendak untuk mewujudkan dan mengekalkan jaminan kewangan menurut peraturan 14; dan
- (n) apa-apa syarat yang berhubungan dengan apa-apa perubahan pemegangan saham, pemilikan atau pengurusan pengendali luar pesisir.

BAHAGIAN V
LAPORAN, RANCANGAN DAN LANGKAH-LANGKAH

Laporan penilaian risiko dan pengurusan risiko

20. (1) Laporan penilaian risiko dan pengurusan risiko yang disebut dalam peraturan 15 hendaklah mengandungi—

- (a) penilaian risiko dan kesan buruk aktiviti yang dijalankan menurut lesen penyimpanan luar pesisir yang akan atau mungkin ada terhadap kesihatan dan keselamatan manusia, alam sekitar dan perkara lain sebagaimana yang ditentukan oleh Agensi; dan
- (b) langkah-langkah yang dicadangkan yang hendaklah diambil untuk mencegah, mengurangkan atau mengawal risiko dan kesan buruk yang dikenal pasti di bawah perenggan (1)(a).

(2) Walau apa pun apa-apa laporan penilaian risiko dan pengurusan risiko yang dikemukakan, pemegang permit penilaian luar pesisir dan pengendali luar pesisir hendaklah mematuhi—

- (a) langkah-langkah pengurusan risiko minimum sebagaimana yang ditentukan oleh Agensi;
- (b) undang-undang keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang berkaitan; dan
- (c) undang-undang alam sekitar yang berkaitan.

Penggabungan langkah-langkah pengurusan risiko

21. (1) Apabila permit penilaian luar pesisir atau lesen penyimpanan luar pesisir diterima, pemegang permit penilaian luar pesisir atau pengendali luar pesisir hendaklah—

- (a) menggabungkan langkah-langkah yang dicadangkan dalam laporan pengurusan risikonya ke dalam pembangunan, pengendalian dan penyahtauliah, mengikut mana-mana yang berkenaan, bagi aktiviti yang berkaitan di bawah permit penilaian luar pesisir atau lesen penyimpanan luar pesisir itu; dan
- (b) melaksanakan dan mematuhi langkah-langkah pengurusan risiko minimum, undang-undang keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang berkaitan dan undang-undang alam sekitar yang berkaitan yang disebut dalam subperaturan 20(2).

(2) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit.

Rancangan gerak balas kecemasan

22. (1) Rancangan gerak balas kecemasan hendaklah memperuntukkan—

- (a) langkah-langkah dan prosedur keselamatan bagi perlindungan kesihatan dan keselamatan manusia, alam sekitar dan perkara lain sebagaimana yang ditentukan oleh Agensi daripada apa-apa mudarat atau kerosakan yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh aktiviti yang dijalankan menurut permit penilaian luar pesisir atau lesen penyimpanan luar pesisir; dan
- (b) semua langkah-langkah yang perlu diambil sekiranya berlaku kecemasan.

(2) Mana-mana pemegang permit penilaian luar pesisir atau pengendali luar pesisir yang gagal mematuhi subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit.

Rancangan penyenggaraan dan keselamatan penutupan

23. (1) Rancangan penyenggaraan dan keselamatan penutupan yang disebut dalam peraturan 15 hendaklah mengandungi—

- (a) cadangan jadual bagi pembaikpulihan rutin;
- (b) cadangan protokol keselamatan yang hendaklah dipatuhi semasa penutupan sementara disebabkan oleh aktiviti penyenggaraan yang tidak dirancang atau situasi kecemasan.

(2) Walau apa pun apa-apa rancangan penyenggaraan dan keselamatan penutupan yang dikemukakan, pengendali luar pesisir hendaklah mematuhi—

- (a) protokol keselamatan minimum yang ditentukan oleh Agensi;
- (b) undang-undang keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang berkaitan; dan
- (c) undang-undang alam sekitar yang berkaitan.

(3) Bagi maksud peraturan ini, “pembaikpulihan rutin” ertinya kerja penyenggaraan terjadual atau berkala untuk memulihkan atau mempertingkatkan kebolehpercayaan dan kebolehkendalian aset, kelengkapan, kemudahan termasuk apa-apa kemudahan suntikan atau tangki, jentera, platform, talian paip, stesen pam atau struktur lain, tetap atau tidak tetap, yang digunakan bagi apa-apa aktiviti yang dijalankan menurut lesen penyimpanan luar pesisir.

Penggabungan rancangan penyenggaraan dan keselamatan penutupan

24. (1) Selepas memperoleh lesen penyimpanan luar pesisir, pengendali luar pesisir hendaklah—

(a) menggabungkan rancangan penyenggaraan dan keselamatan penutupan ke dalam pembangunan, pengendalian dan pemberhentian tugas, mengikut mana-mana yang berkenaan, bagi aktiviti yang berkaitan di bawah lesen penyimpanan luar pesisir itu; dan

(b) menjalankan dan mematuhi protokol keselamatan minimum, undang-undang keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang berkaitan dan undang-undang alam sekitar yang berkaitan yang disebut dalam subperaturan 23(2).

(2) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit.

BAHAGIAN VI

**KAJIAN SEMULA, PENGUBAHSUAIAN DAN PEMBATALAN LESEN PENYIMPANAN
LUAR PESISIR**

Perubahan pada cara pengendalian tapak penyimpanan

25. (1) Pengendali luar pesisir hendaklah memohon kepada Agensi jika terdapat apa-apa perubahan yang hendak dicadangkan berhubung dengan cara pengendalian tapak penyimpanan sebagaimana yang diluluskan oleh Agensi di bawah perenggan 19(1).

(2) Permohonan di bawah subperaturan (1) hendaklah menyatakan tarikh cadangan permulaan bagi apa-apa perubahan dan hendaklah dibuat sekurang-kurangnya tiga bulan sebelum tarikh permulaan perubahan kepada cara pengendalian tapak penyimpanan itu.

Perubahan pada lesen penyimpanan luar pesisir

26. (1) Jika permohonan dibuat di bawah peraturan 25, Agensi—

- (a) boleh menerima, menolak atau mengubah suai lesen penyimpanan luar pesisir sebagaimana yang dianggap sesuai oleh Agensi untuk menunjukkan apa-apa perubahan yang dicadangkan di bawah peraturan 25; dan
- (b) hendaklah memberitahu pengendali luar pesisir mengenai—
 - (i) tarikh yang pengubahsuaian itu hendaklah mula berkuat kuasa; dan
 - (ii) tarikh perubahan itu boleh dilaksanakan.

Kesihatan dan keselamatan manusia atau alam sekitar

27. Jika Agensi mendapati bahawa permohonan di bawah peraturan 25 akan mempunyai kesan yang signifikan terhadap kesihatan dan keselamatan manusia atau alam sekitar, Agensi hendaklah—

- (a) mengubah suai lesen penyimpanan luar pesisir sebagaimana yang dianggap sesuai oleh Agensi dan memberitahu pengendali luar pesisir mengikut perenggan 26(1)(b); atau
- (b) memberitahu pengendali luar pesisir bahawa perubahan itu tidak boleh dilaksanakan.

Pengubahsuaian lesen penyimpanan luar pesisir

28. (1) Agensi hendaklah mengkaji semula lesen penyimpanan luar pesisir—

- (a) jika Agensi mendapat tahu mengenai—
 - (i) apa-apa risiko kebocoran atau ketidakteraturan yang signifikan; atau

(ii) apa-apa pelanggaran syarat lesen penyimpanan luar pesisir oleh pengendali luar pesisir; dan

(b) dalam apa-apa hal keadaan, selepas lima tahun pengeluaran lesen penyimpanan luar pesisir itu dan setiap sepuluh tahun yang berikutnya.

(2) Selepas selesai apa-apa kajian semula di bawah subperaturan (1), dan tertakluk kepada subperaturan 18(3), Agensi boleh jika disifatkan perlu bagi pengurusan kesihatan dan keselamatan manusia dan alam sekitar—

(a) membuat apa-apa pengubahsuaian pada lesen penyimpanan luar pesisir jika pengubahsuaian itu adalah perlu mengikut dapatan saintifik terkini dan kemajuan teknologi; dan

(b) menghendaki pengendali luar pesisir, secara bertulis, untuk menanggungkan suntikan karbon dioksida ke dalam kompleks penyimpanan mengikut tarikh yang dinyatakan dalam notis itu sehingga notis selanjutnya diberikan oleh Agensi bahawa suntikan itu boleh dimulakan semula.

(3) Agensi hendaklah berunding dengan pengendali luar pesisir sebelum membuat apa-apa pengubahsuaian berhubung dengan perkara yang dinyatakan dalam perenggan (2)(a).

(4) Berhubung dengan perenggan (2)(b), Agensi boleh mengenakan apa-apa syarat sebelum suntikan itu boleh dimulakan semula.

Pembatalan lesen penyimpanan luar pesisir

29. (1) Agensi boleh membatalkan lesen penyimpanan luar pesisir jika—

(a) Agensi percaya bahawa apa-apa pengubahsuaian pada lesen penyimpanan luar pesisir itu tidak akan dapat menangani dan mengendalikan dengan secukupnya kesan atau kemungkinan kesan

perkara yang dinyatakan di bawah perenggan 28(1)(a) terhadap kesihatan dan keselamatan manusia dan alam sekitar;

- (b) seorang penerima, penerima dan pengurus, penyelesaian sementara atau pegawai yang sepertinya telah dilantik ke atas keseluruhan atau sebahagian besar aset pengendali luar pesisir itu dan pelantikan sedemikian tidak dibatalkan atau diungkapkan dalam tempoh enam puluh hari dari tarikh pelantikan itu;
- (c) pengendali luar pesisir itu telah disabitkan dengan suatu kesalahan di bawah Akta, Peraturan-Peraturan ini atau mana-mana perundangan subsidiari lain yang dibuat menurut Akta; atau
- (d) pengendalian berterusan tapak penyimpanan menimbulkan risiko terhadap kesihatan awam, keselamatan, alam sekitar atau menjejaskan kepentingan awam.

(2) Sebelum pembatalan lesen di bawah subperaturan (1), Agensi hendaklah memberikan pengendali luar pesisir itu—

- (a) notis bertulis mengenai niat Agensi untuk membatalkan lesen penyimpanan di luar pesisir itu; dan
- (b) peluang untuk membuat hujahan bertulis dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis bertulis itu yang tidak kurang daripada empat puluh lima hari.

(3) Apabila habis tempoh yang dinyatakan dalam notis itu, Agensi hendaklah, selepas menimbangkan apa-apa hujahan bertulis yang dibuat oleh pengendali luar pesisir itu, memutuskan sama ada untuk membatalkan lesen penyimpanan luar pesisir itu atau tidak.

(4) Agensi hendaklah memberikan keputusan kepada pengendali luar pesisir di bawah subperaturan (3), secara notis bertulis, dengan secepat yang dapat dilaksanakan dan pengendali luar pesisir hendaklah, tanpa sebarang kelewatan yang tidak wajar, melaksanakan semua langkah pembetulan atau langkah pemulihan yang diperlukan ke atas tapak penyimpanan sebelum pembatalan lesen itu mula berkuat kuasa.

(5) Pengendali luar pesisir itu tidak berhak kepada apa-apa bentuk pampasan, sama ada kewangan atau sebaliknya, daripada Kerajaan, Menteri, mana-mana anggota Agensi, Pengerusi atau mana-mana pegawai diberi kuasa jika lesen penyimpanan luar pesisir itu dibatalkan mengikut subperaturan (3).

(6) Pembatalan lesen penyimpanan luar pesisir di bawah subperaturan (3) hendaklah berkuat kuasa—

- (a) pada tarikh yang dinyatakan oleh Agensi dalam notis bertulis yang diberikan di bawah subperaturan (4); atau
- (b) jika tiada tarikh dinyatakan dalam notis bertulis yang diberikan di bawah subperaturan (4), apabila tamatnya tiga puluh hari dari tarikh notis itu disampaikan kepada pengendali luar pesisir itu.

Akibat pembatalan lesen penyimpanan luar pesisir

30. (1) Jika lesen penyimpanan luar pesisir dibatalkan di bawah peraturan 29, Agensi hendaklah—

- (a) menutup tapak penyimpanan itu; atau
- (b) menimbangkan apa-apa permohonan bagi permit penilaian luar pesisir yang baharu dan lesen penyimpanan luar pesisir yang baharu berkenaan dengan tapak penyimpanan itu.

(2) Sehingga tapak penyimpanan itu ditutup, atau permit penilaian luar pesisir yang baharu dan lesen penyimpanan luar pesisir yang baharu diberikan, Agensi boleh melantik pengendali sementara luar pesisir bagi tapak penyimpanan itu.

(3) Agensi hendaklah mendapatkan semula daripada pengendali luar pesisir sebelumnya kos yang ditanggung semasa tempoh sementara di bawah subperaturan (2), termasuk dengan menggunakan jaminan kewangan yang diberikan pengendali luar pesisir sebelumnya menurut peraturan 32.

(4) Bagi maksud peraturan ini, “pengendali luar pesisir sebelumnya” ertinya pengendali luar pesisir yang lesen penyimpanan luar pesisirnya yang telah dibatalkan di bawah peraturan 29 dan yang kekal bertanggungjawab terhadap kos yang ditanggung oleh Agensi bagi melantik pengendali luar pesisir sementara.

Pengubahsuaian di bawah Bahagian VI

31. Bagi maksud Bahagian ini, “pengubahsuaian” lesen penyimpanan luar pesisir ertinya pengemaskinian, penyemakan atau pemotongan apa-apa kandungan atau syarat lesen penyimpanan luar pesisir itu, termasuk apa-apa rancangan, gambar rajah atau dokumen lain yang dilampirkan pada atau yang membentuk sebahagian daripada, lesen penyimpanan di luar pesisir itu.

BAHAGIAN VII

OBLIGASI PENGENDALIAN, PENUTUPAN DAN PASCA-PENUTUPAN

Kehendak bagi jaminan kewangan

32. (1) Pengendali luar pesisir hendaklah mengekalkan jaminan kewangan yang dinyatakan dalam peraturan 14 dan hendaklah memastikan bahawa jaminan kewangan itu—

